



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 58 / 2019

PENGUNDI DIINGATKAN BAWA *VOTER'S CARD* ATAU SEMAK AWAL MAKLUMAT PENGUNDIAN

1. Para pengundi di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan yang tidak menerima kad pengundi (*Voter's Card*), boleh membuat semakan maklumat pengundian mereka lebih awal sebelum hari pengundian. Pengundi terbabit boleh membuat semakan melalui saluran-saluran berikut:

- a) layari **portal SPR** di www.spr.gov.my; atau
- b) telefon ke talian **03-88927018**; atau
- c) menyemaknya melalui aplikasi **MySPR Semak**; atau
- d) **SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO.KAD PENGENALAN)**

2. Bagi pengundi yang telah menerima *voter's card* atau telah mengetahui maklumat pengundian, mereka tidak lagi perlu membuat semakan di barung semakan SPR sebaliknya boleh terus ke saluran mengundi. Manakala bagi pengundi yang baru membuat semakan, mereka disaran untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:

- a) pusat mengundi
- b) saluran mengundi
- c) nombor bilangan pemilih

3. Para pengundi juga diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan ***voter's card*** atau catatan maklumat pengundian serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. *Voter's Card* dan catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 5 Mei 2019 / 29 Syaaban 1440H